

# **Hubungan Trait Personaliti Dengan Pemilihan Kursus Di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Elektrik**

Faizah Abd Ghani & Siti Noorazzura Ahmad

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Kajian ini bertujuan bagi mengkaji hubungan trait personaliti dengan pemilihan kursus di kalangan pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Elektrik di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai. Kajian ini menggunakan rekabentuk kolerasi berdasarkan kerangka Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973). Sebanyak 39 responden telah dipilih menggunakan persampelan purposif atau bertujuan. Alat kajian *Self-Directed Search (SDS)-From Easy* (Versi terjemahan Amla, 1984) telah digunakan bagi mendapatkan trait personaliti responden, manakala Indeks Kongruen Iachan digunakan bagi mendapatkan darjah kekongruenan trait personaliti. Soal selidik Norlia Melawi (2000) yang mempunyai nilai *Croanbach Alpha* 0.7082 digunakan untuk mendapatkan faktor pemilihan kursus di kalangan responden. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) V15.0.1 for Windows*. Analisis data secara deskriptif yang diperolehi menunjukkan bahawa faktor utama dalam pemilihan kursus responden adalah faktor persekitaran. Dapatan kajian juga menunjukkan trait personaliti utama keseluruhan responden adalah RSE. Selain itu dapatan kajian menunjukkan 46.2% daripada jumlah keseluruhan responden mempunyai tahap padanan yang lemah berdasarkan Indeks Kongruen Iachan. Analisis inferensi kolerasi Pearson 'r' digunakan bagi melihat hubungan di antara darjah kongruen trait personaliti responden dengan faktor pemilihan kursus responden. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara darjah kongruen trait personaliti responden dengan faktor minat, keluarga, ganjaran dan persekitaran.

*Katakunci* : hubungan trait personality, pemilihan kursus

## **Pengenalan**

Profesion merupakan satu aktiviti penting dalam kehidupan seseorang. Profesion juga mempengaruhi konsep sendiri seseorang, perasan nilai dalam diri dan identiti peribadi (Azizi *et. al.*, 2005). Profesion merupakan sesuatu aktiviti yang menjadi impian setiap pelajar setelah menamatkan pengajian. Menurut Hushim Salleh (2007), hampir setiap individu mempunyai profesion idaman mereka yang tersendiri. Malah sejak kanak-kanak lagi, mereka sudah pandai menyebut seperti hendak jadi cikgu, doktor, polis, peguam, penyanyi atau pelakon. Namun tidak kurang juga, yang sering bertukar cita-cita kerana dipengaruhi oleh persekitaran. Kaunselor dan juga pensyarah dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Hushim Salleh (2007) berkata, kombinasi minat, kebolehan dan pengaruh suasana semasa adalah faktor utama dalam pemilihan sesuatu kerja. "Contohnya, orang yang bercita-cita tinggi untuk menjadi guru haruslah mempunyai minat yang mendalam terhadap kanak-kanak. Jika tidak, dia tentu akan menganiaya muridnya sendiri," katanya kepada Utusan. Kebiasaannya profesion yang diceburi bergantung kepada jenis pendidikan, jenis latihan dan tahap pencapaian yang diperolehi semasa sekolah. Apa yang menyedihkan masih terdapat lagi masalah pelajar yang tidak dapat menentukan minat mereka terhadap sesuatu profesion.

Pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti akan mempengaruhi gaya kehidupannya di mana dalam kehidupan harian, ciri-ciri personaliti yang dimiliki oleh seseorang

pelajar akan menentukan cara penyelesaian masalah hidupnya. Masalah-masalah ini termasuklah masalah dengan pemilihan kursus yang bersesuaian dengan personaliti pelajar. Oleh sebab itu, mengetahui ciri-ciri personaliti sendiri adalah penting bagi setiap pelajar supaya dapat membantunya memahami diri sendiri. Hal ini berlaku kerana semakin hampir keselarasan antara ciri-ciri personaliti dengan keperluan-keperluan dalam sesuatu profesion, maka semakin besar seseorang itu untuk berjaya dalam bidang berkenaan. Ini disokong oleh Holland (1973), yang menyatakan bahawa keselarasan antara personaliti-persekitaran itu amat penting untuk mencapai tahap kepuasan, motivasi dan pencapaian akademik yang baik. Kepuasan kerja, kebolehan, pencapaian dan stabiliti adalah bergantung kepada darjah keselarasan atau darjah kongruens antara jenis personaliti dengan persekitaran kerja. Holland (1985), yang memperkenalkan teori Tipologi Holland berpendapat bahawa pemilihan kerjaya mestilah selaras dengan ciri-ciri individu.

Menurut kenyataan daripada *Malaysian University Selection Inventory (MUnSI)*, isu ketidakselarasan personaliti dan minat dengan bidang pengajian diikuti mungkin tidak dapat diselesaikan walaupun pelajar berjaya memperoleh ijazah. Ketidakselarasan ini akan membawa masalah dalam pekerjaan seperti prestasi yang kurang memuaskan, produktiviti yang rendah, dan berpotensi besar untuk bertukar kerjaya yang diceburi. Secara tidak langsung, ia akan mengakibatkan universiti dipersalahkan kerana tidak dapat melatih graduan dengan baik.

Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa masalah yang sering berlaku kepada para pelajar dalam menentukan profesion mereka. Ini kerana terdapat pelajar-pelajar yang masih keliru untuk menentukan profesion mereka sendiri. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kebanyakan mereka tidak dapat memastikan ke manakah kecenderungan minat yang mereka ada, yang menyebabkan mereka keliru dan tiada hala tuju. Mereka sering kali berhadapan dengan konflik antara kehendak ibu bapa, kehendak mereka sendiri dan pengaruh rakan sebaya dalam memilih jurusan yang boleh menjejaskan pemilihan profesion.

### **Pernyataan Masalah**

Jaminan terhadap kualiti perkhidmatan dalam profesion pendidikan pada abad ke-21 merupakan satu cabaran. Keadaan ini berlaku disebabkan tuntutan peningkatan kualiti pendidikan (Wan Mohd Zahid, 1995). Arus pembangunan masa kini mendesak peningkatan kualiti dalam semua bidang perkhidmatan sosial. Pada abad ke-21 ini, menjadi guru sememangnya bukan satu perkara yang mudah. Peranan guru kini bukannya kepada menyampaikan ilmu semata-mata, malah melampaui istilah guru sendiri. Selain melayan pelbagai kerenah pelajarannya, guru juga perlu melaksanakan pelbagai tanggungjawab mengenai perkara yang berhubungkait dengan pelajar seperti menyelesaikan masalah disiplin, program kaunseling, menjalankan aktiviti ko-kurikulum dan mengadakan kelas bimbingan (Tee, 2003).

Sehubungan dengan itu, kajian-kajian mengenai personaliti untuk pemilihan profesionalisme perguruan perlu dilakukan bagi mengenalpasti keserasian dengan kerjaya guru dan minat. Hal ini berlaku kerana ketidakselarasan antara jenis personaliti dan persekitaran akan menimbulkan perasaan jemu dan kecewa yang akhirnya boleh menjejaskan prestasi kerjaya (Atan, 1982). Hal ini dikukuhkan dengan pandangan Bretz dan Judge (1994), yang menyatakan keselarasan personaliti dan persekitaran akan mempengaruhi kejayaan sesuatu kerjaya.

Maka dengan itu, pengkaji memfokuskan mengenai hubungan trait personaliti pelajar dengan pemilihan kursus kerana kajian ke atas ciri-ciri personaliti memanglah penting, khususnya di dalam memotivasikan diri pelajar untuk memahami personaliti diri ke arah profesion yang menjadi pilihan. Persoalannya di sini, apakah ciri-ciri personaliti yang ada pada pelajar-pelajar?

Wujudkah perbezaan personaliti antara mereka? Personaliti masing-masing individu sama ada sesuai untuk menjadi seseorang guru adalah penting untuk menjamin kualiti pendidikan dan juga kualiti pelajar yang akan dilahirkan nanti. Tetapi, adakah pelajar-pelajar yang bakal menjadi guru khususnya guru Elektrik yang sangat diperlukan oleh dunia pendidikan ini benar-benar memiliki personaliti yang sesuai dengan persekitaran guru Elektrik? Adakah mereka benar-benar bersedia menjadi seorang guru yang berkeelayakan dan profesional?

Oleh sebab guru memainkan peranan penting dalam pembentukan modal insan, maka kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti trait personaliti dan faktor-faktor pemilihan kursus oleh bakal-bakal guru keluaran Universiti Teknologi Malaysia.

### **Objektif Kajian**

Terdapat beberapa objektif untuk dicapai menerusi kajian ini. Trait-trait personaliti ke arah pendekatan profesional keguruan merupakan elemen yang ingin di kaji. Oleh itu objektif dalam menjalankan kajian ini ialah:

- i. Menenalpasti faktor pemilihan kursus di kalangan pelajar SPE.
- ii. Menenalpasti trait personaliti utama yang dimiliki oleh pelajar SPE.
- iii. Menenalpasti tahap keselarasan atau kekongruenan trait personaliti dengan bidang kursus yang diikuti di kalangan pelajar SPE.
- iv. Menenalpasti sama ada terdapat hubungan antara darjah kongruen trait personaliti dengan faktor pemilihan kursus yang diikuti oleh pelajar SPE.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini semestinya membawa kepentingan kepada pihak tertentu khususnya pihak pelajar sendiri, pihak ibubapa, pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Pelajar :** Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar mengenali dan memahami diri khususnya dari segi jenis personaliti masing-masing memandangkan personaliti adalah unik bagi setiap orang. Ia boleh membantu mereka mengetahui trait-trait personaliti yang terdapat dalam diri masing-masing bagi memudahkan proses membuat keputusan dalam menentukan profesion yang ingin diceburinya nanti. Selain itu, kajian ini juga dapat menerangkan kepada pelajar-pelajar tentang kepentingan trait personaliti diri untuk mewujudkan kepuasan dalam diri individu. Pelajar-pelajar juga akan didedahkan dengan hubungan trait personaliti dengan minat mereka untuk belajar. Berdasarkan keputusan kajian, pelajar-pelajar akan dapat menenalpasti trait personaliti yang dominan terhadap pelajar masing-masing. Ini adalah penting untuk membantu pelajar menenalpasti matlamat hidup dan hala tuju masing-masing selepas tamat pengajian di IPT kelak. Selain itu, para pelajar juga dapat mengetahui bidang pembelajaran yang bersesuaian dalam mencapai cita-cita yang menjadi idaman mereka. Selain itu, John Holland (1973), juga pernah merumuskan bahawa kepuasan dalam profesion mempunyai perkaitan yang rapat dengan keserasian personaliti-persekitaran seseorang individu. Beliau dalam teorinya menekankan tentang kepentingan pengetahuan tentang diri (*self-knowledge*) sebelum memasuki alam profesion. Oleh itu adalah penting bagi seseorang individu untuk mengetahui trait-trait personaliti masing-masing supaya mencapai kepuasan dan kejayaan dalam bidang yang diceburi selepas tamat pengajian di UTM kelak.

**Ibubapa :** Hasil daripada kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada ibubapa supaya mereka akan lebih mengambil berat tentang sikap dan minat yang dimiliki oleh anak-anak mereka. Mereka akan berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang terbaik untuk masa depan anak-

anak. Selain itu ibubapa juga akan sama-sama mencari peluang yang ada untuk meluaskan lagi pemikiran anak-anak dalam menggalakkan minat yang dimiliki tersebut.

**Institusi Pengajian Tinggi :** Kajian ini diharapkan dapat memberi satu panduan kepada IPT dalam menerima permohonan pelajar ke kursus-kursus yang dipohon. Sebelum ini, pihak IPT hanya menekankan terhadap pencapaian kurikulum dan ko-kurikulum dalam pemilihan dan pengambilan pelajar-pelajar baru. Sebenarnya personaliti pelajar sama ada sesuai dengan kursus yang dipohon atau tidak juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan pelajar. Maka, menerusi kajian ini, pihak IPT akan mengetahui tentang kepentingan kekongruenan atau keserasian personaliti dengan kursus-kursus yang ditawarkan. Pengenalan kepada kursus-kursus yang ditawarkan harus diadakan sebelum sesi pengambilan pelajar baru dilakukan. Ini adalah bertujuan bagi memastikan pelajar yang dipilih mempunyai personaliti yang serasi dengan persekitaran kursusnya, dan seterusnya menjamin kualiti para graduan yang bakal dilahirkan nanti.

**Kementerian Pelajaran Malaysia :** Hasil daripada kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk melahirkan para pendidik yang benar-benar berkualiti, berketrampilan tinggi, serta cemerlang dari pelbagai aspek dalam bidang pendidikan. Selain itu, hasil daripada kajian ini dapat membantu KPM untuk melahirkan para pendidik yang mempunyai trait-trait personaliti yang serasi dengan persekitaran kerja sebagai pendidik. Ini seterusnya dapat membantu meningkatkan kepuasan kerja, keberkesanan kerja, dan keprofesionalisme pendidikan di negara ini. Secara tidak langsung pula, masalah-masalah di kalangan pendidik akan dapat dikurangkan. Para pendidik yang berkualiti akan melahirkan pelajar yang berkualiti dan seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi, intelek dan sahsiah. Dengan ini, Falsafah Pendidikan Kebangsaan Negara dapat dicapai sepenuhnya.

### **Rekabentuk Kajian**

Menurut Mohd. Majid (1993), rekabentuk sesuatu kajian adalah teknik dan kaedah tertentu yang digunakan bagi memperolehi maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Elektrik (SPE) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Kajian ini dijalankan bagi melihat beberapa aspek seperti faktor pemilihan kursus, trait personaliti utama yang dimiliki dan hubungan darjah kongruen trait personaliti dengan faktor pemilihan kursus yang diikuti oleh pelajar SPE Fakulti Pendidikan, UTM.

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kolerasi iaitu mengkaji pembolehubah atribut iaitu pembolehubah yang telah berlaku atau sedia wujud dalam unit sosial sebelum bermula sesuatu kajian (Tuckman, 1978). Menurut Azizi *et al.*, (2007), penyelidikan kolerasi melibatkan pengumpulan data bagi menentukan perkaitan antara dua ataupun lebih pembolehubah yang saintifik. Perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah ini ditentukan sebagai pekali kolerasi. Dalam kajian kolerasi, data bagi semua pembolehubah dikumpul dalam jangka masa yang singkat dan setiap pembolehubah ramalan berkait dengan kriteria-kriteria pembolehubah. Kombinasi pembolehubah biasanya memberi keputusan ramalan yang lebih tepat berbanding pembolehubah lain. Pembolehubah ini sukar dikawal atau dimanipulasikan. Pembolehubah atribut bagi kajian ini adalah darjah kongruen trait personaliti yang juga dikenali sebagai pembolehubah tidak bersandar. Bagi pembolehubah bersandar pula adalah faktor pemilihan kursus.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang dibina oleh Norlia Melawi (2000) serta *Self-Directed Search Form Easy* (SDS-E) yang telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu oleh Amla (1984).

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Kumpulan sasaran kajian ini adalah pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Elektrik (SPE) di Fakulti Pendidikan, UTM. Untuk kajian ini, ciri-ciri populasi yang diambil kira ialah satu set lengkap semua kumpulan iaitu pelajar jurusan SPE di Fakulti Pendidikan, UTM yang memenuhi spesifikasi. Seramai 53 orang pelajar SPE telah dipilih sebagai populasi bagi kajian ini. (Sumber diperolehi : data dari Penolong Pendaftar Fakulti Pendidikan, UTM).

Terdapat dua kriteria bagi menentukan sesuatu sampel yang baik iaitu perwakilan dan kecukupan (Ary, 1985). Perwakilan bermakna sampel yang dipilih mestilah mewakili populasi kajian. Bagi mendapatkan jumlah bilangan sampel minimum yang digunakan dalam kajian ini, pengkaji merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970) yang mempunyai 95% aras keyakinan. Maka, pemecahan sampel yang diperlukan adalah seramai 39 orang daripada jumlah populasi.

Kaedah persampelan tidak rawak iaitu persampelan purposif atau bertujuan digunakan dalam kajian ini bagi populasi kumpulan sampel yang diwakili oleh bidang pengkhususan pelajar yang dipilih. Persampelan ini digunakan adalah kerana bagi mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki dalam menjawab persoalan (Azizi Yahaya *et al*, 2007).

### **Instrumen Kajian**

Pengumpulan data adalah sangat penting dalam penyelidikan. Menurut Mohd Majid (2000), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik adalah suatu instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perisian, kehendak dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, pengkaji memilih soal selidik bagi instrumen kajian kerana ianya mudah untuk dijalankan dan cepat untuk memperoleh data dan respon daripada responden. Menurut Mohamad Najib (1999), soal selidik ini digunakan adalah kerana ia merupakan instrumen yang ringkas, mudah ditadbir dan data yang diperolehi mudah dianalisis.

Terdapat tiga komponen soal selidik yang digunakan iaitu:

- i) Bahagian A – Butir-butir Diri Responden
- ii) Bahagian B – Soal Selidik yang dibina oleh Norlia Melawi (1999)
- iii) Bahagian C – *Self-Directed Search- Form Easy* (SDS-E)

(Versi terjemahan Amla, 1984)

### **Analisis Data**

Terdapat 7 item yang disenaraikan oleh pengkaji dalam soal selidik yang berkaitan dengan faktor minat. Item 1 adalah item yang mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 3.56 serta nilai sisihan piawai adalah 0.5522 dengan peratusan setuju yang tinggi iaitu 97.4% yang menyatakan amat meminati mata pelajaran yang berkaitan dengan teknikal.

Selain itu, item kedua yang mempunyai dapatan nilai min yang tinggi juga adalah Item 9 iaitu memperolehi keputusan yang baik dalam peperiksaan yang lepas untuk mata pelajaran yang berkaitan dengan teknikal. Nilai minnya adalah sebanyak 3.26 dengan sisihan piawai 0.5946. Peratusan skor pula adalah sebanyak 92.3%.

Bagi item yang mempunyai dapatan rendah dalam faktor minat ini adalah Item 25 yang menyatakan memilih kerjaya perguruan atas kemahuan ibu bapa saya. Peratus yang bersetuju

bagi item ini adalah 64.1% dengan min 2.82 dan sisihan piawai sebanyak 0.7904. Jadual 1 di bawah menunjukkan hasil dapatan kajian bagi faktor minat untuk kesemua item.

Jadual 1 : Analisis data bagi faktor minat

Item	Pernyataan	TS		S		Min	S.D
		N	%	N	%		
1	Saya amat meminati mata pelajaran yang berkaitan dengan teknikal.	1	2.6	38	97.4	3.56	0.5522
5	Saya amat meminati mata pelajaran yang berkaitan dengan pendidikan.	13	33.3	26	66.7	2.85	0.8441
9	Saya memperolehi keputusan yang baik dalam peperiksaan yang lepas untuk mata pelajaran yang berkaitan dengan teknikal.	3	7.7	36	92.3	3.26	0.5946

13	Saya memperolehi keputusan yang baik dalam peperiksaan yang lepas untuk mata pelajaran berkaitan pendidikan.	6	15.4	33	84.6	3	0.6488
17	Saya amat meminati kerjaya perguruan.	9	23.1	30	76.9	2.92	0.8393
23	Saya memilih kerjaya perguruan sebagai pilihan utama saya.	11	28.2	28	71.8	3.05	0.8568
25	Saya memilih kerjaya perguruan atas kemahuan ibu bapa saya.	14	35.9	25	64.1	2.82	0.7904
<b>JUMLAH</b>		<b>8</b>	<b>20.89</b>	<b>31</b>	<b>79.11</b>	<b>3.07</b>	

### Perbincangan

Berdasarkan keputusan kajian yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa majoriti responden yang terlibat adalah responden perempuan iaitu 64.1% berbanding responden lelaki iaitu 35.9%. Kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 19-22 tahun iaitu sebanyak

51.3% dan 23-26 tahun sebanyak 48.7%. Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan daripada tahun pengkhususan 2,3 dan 4 dengan peratusannya iaitu 28.2%, 30.8% dan 41%. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden dari tahun 4 pengajian. Dari segi tahap kelulusan responden pula, kebanyakan responden adalah pelajar lepasan matrikulasi iaitu 79.5%. Manakala, bagi cita-cita sebenar responden bekerja adalah di sektor kerajaan dengan 74.4%. Seterusnya adalah latarbelakang persekolahan ibubapa pula, yang menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai bapa yang berkelulusan SPM dengan 43.6% dan ibu yang berkelulusan SPM juga dengan peratusan sebanyak 51.3%. Bagi pekerjaan bapa pula, menunjukkan bahawa kebanyakan bapa responden bekerja di sektor kerajaan iaitu 53.8%. Manakala bagi pekerjaan ibu pula, pekerjaan lain-lain dan kerajaan yang menjadi pekerjaan ibu responden dengan 41% bagi pekerjaan lain-lain dan 38.5% bagi pekerjaan di sektor kerajaan. Untuk tahap pendapatan ibubapa responden pula, majoriti menunjukkan bahawa kebanyakan ibubapa responden mempunyai pendapatan ditahap RM1000 – RM 2000 dan lebih RM2000. Bagi pendapatan RM1000 – RM2000, peratusannya adalah 43.6% dan untuk lebih RM2000 pula, 38.5%.

Berdasarkan faktor pemilihan kursus di kalangan responden pula, ternyata dengan jelas bahawa faktor minat, faktor keluarga dan faktor ganjaran bukanlah menjadi pendorong utama yang menyebabkan responden memilih kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Elektrik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran adalah faktor utama yang menjadi pendorong dalam pemilihan kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Elektrik ini. Nilai purata min bagi faktor ini adalah 3.14. Sebagaimana yang diketahui, faktor persekitaran adalah sangat penting untuk seseorang individu itu memulakan sesuatu pekerjaan. Maka, ini bermakna bahawa pemilihan kursus di kalangan responden ini didorong faktor persekitaran yang berkait rapat dengan keadaan sekeliling dan juga kemasyarakatan. Menurut Norlia Melawi (2000), persekitaran yang dirujuk adalah berkaitan dengan keadaan tempat kerja serta hubungan dengan masyarakat sekeliling. Selain itu, ketiga-tiga faktor yang dinyatakan di atas tadi juga memainkan peranan dalam pemilihan kursus ini di mana faktor kedua yang mendorong kepada pemilihan kursus di kalangan responden adalah faktor minat dan diikuti faktor ganjaran dan juga faktor keluarga.

Berdasarkan kepada kod tiga huruf Holland pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengkaji telah memperolehi kod personaliti RSE bagi trait utama personaliti untuk keseluruhan responden. Keputusan kajian merumuskan bahawa personaliti responden itu didominasi oleh personaliti-persekitaran Realistik. Jika kita melihat daripada Teori Tepologi Kerjaya John Holland (1973), ia menyatakan bahawa ciri-ciri Realistik ini merangkumi suka bertindak secara objektif dan sukakan tugas yang konkrit berbanding abstrak, tidak suka kepada tingkah laku yang memerlukan pertimbangan subjektif, bersifat kekelakuan, mempunyai fizikal yang gagah, agresif, mempunyai nilai-nilai politik dan ekonomi serta berfahaman konvensional, kurang bersosial dan interaksi interpersonal yang lemah walaupun emosinya bersifat stabil dan juga materialistik. Daripada ciri-ciri Realistik yang dinyatakan dalam Teori Holland (1973) ini, ia menunjukkan bahawa sifat ini bukannya besesuaian untuk bidang pendidikan. Walau bagaimanapun, kod kedua dalam personaliti responden ini adalah bercirikan persekitaran Sosial. Seperti yang diketahui ciri Sosial ini adalah bersesuaian dengan bidang pendidikan atau perguruan. Bagi kod tiga huruf Holland untuk *Technical Teacher*, ianya adalah SER. Jika kita membandingkan dengan kod tiga huruf pengkaji, maka ianya hanya berbeza dari susunan kedudukan kod sahaja.

Keputusan kajian juga merumuskan bahawa, hanya 28.2% responden sahaja yang menunjukkan kesepadanan atau keselarasan antara personaliti mereka dengan bidang kursus

yang mereka ikuti. Jumlah responden yang mempunyai tahap darjah kongruen iaitu padanan yang baik dengan bidang Kursus Kejuruteraan Elektrik ini adalah seramai 11 orang responden daripada 39 orang responden. Manakala bagi tahap darjah kongruen iaitu padanan yang lemah pula mempunyai seramai 18 orang daripada keseluruhan responden dengan peratusannya sebanyak 46.2%. Dengan ini, jelaslah bahawa lebih daripada separuh responden yang tidak mempunyai tahap padanan yang baik antara kesepadanan atau keselarasan antara trait personaliti dengan kursus Kejuruteraan Elektrik.

Maka, dengan ini ia akan memberikan implikasi yang besar terhadap pelajar itu sendiri di mana, ketidakselarasan tersebut dapat memberi tekanan semasa pembelajaran serta kemungkinan pencapaian akademiknya akan lemah disamping boleh meninggalkan kesan kepada pelajar iaitu tidak mencapai kepuasan belajar, bermotivasi rendah, tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kursus dan memberikan impak yang negatif terhadap pencapaian mereka selain berkemungkinan mereka membuat pertukaran kursus (Mastura *et al.*, 2007). Di samping itu juga, keputusan kajian ini dapat memberi implikasi kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sendiri di mana kemungkinan pelajar keluaran UTM ini adalah tidak berkualiti bagi kursus pendidikan Elektrik ini dan akan membawa keburukan untuk pihak UTM.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keempat-empat faktor tersebut dalam pemilihan kursus dengan darjah kongruen trait personaliti responden.

## Rujukan

- Azizi Yahaya, Noraizah Damiri dan Shahrifudin Ismail (2005). *Ciri-ciri Personaliti dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Mara.
- Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof dan Abdul Rahim (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Profesional.
- Babbie, E. (2008). *Basics Of Social Research*. Thomson Wadsworth. Fourth Edition. Chapman University.
- Iachan, R. (1984). *A Measurement of Agreement for Use with the Holland Classification System*. Journal of Vocational Behavior. 24. 133-141.
- John W. Lounsbury et. al. (2003). *An Investigation of Personality Traits in Relation to Career Satisfaction*. Journal of Career.
- Mustafa bin Zakaria (2008). *Profil Personaliti dan Faktor Pemilihan Profesion Perguruan Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Fakulti Pendidikan UTM*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Nation Wang et. al. (2006). *The Role of Personality and Career Decision-Making Self-Efficacy in the Career Choice Commitment of College Students*. Journal of Career.
- Nina Raynela binti Ahmad Kamil (2008). *Tret Personaliti Dan Faktor Pemilihan Kerjaya Dalam Bidang Perguruan Di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (kemahiran Hidup)*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Rowntree, D. (1981). *Statistics Without Tears : A Primer for Non-Mathematicians*. Penguin.
- Sally A. Carless (1999). *Career Assessment : Holland's Vocational Interests, Personality Characteristics, and Abilities*. Monash University. Journal of Career.
- Wan Hamzah (1993). *Jenis, Pola Personaliti dan Hubungan Antara Kongruens Pola Personaliti-Persekitaran Dengan Kepuasan Kerja Guru-guru Sekolah Rendah di negeri Kelantan : Satu Pengujian Teori Holland*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis M.ed.